

CABARAN MUBALIGH KRISTIAN DALAM DAKWAH KRISTIANISASI DI BORNEO UTARA, 1881-1963

(THE CHALLENGES OF CHRISTIAN MISSIONARIES IN THE EVANGELIZATION OF NORTH BORNEO,
1881-1963)

JOLIUS, J.¹ – DE SILVA, M.^{1*}

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: maureend[at]ums.edu.my*

(Received 12th June 2025; revised 10th September 2025; accepted 18th September 2025)

Abstrak. Artikel ini mengkaji tentang cabaran mubaligh Kristian dalam dakwah Kristianisasi di Borneo Utara dari tahun 1881 hingga 1963. Kajian ini memperlihatkan bagaimana usaha Kristianisasi dipengaruhi oleh kuasa kolonial, penentangan tempatan, dan tindakan daripada masyarakat peribumi. Kajian lepas menonjolkan matlamat dan kejayaan mubaligh Kristian dalam mentamadunkan sesebuah masyarakat. Namun, penulisan ini memberi tumpuan kepada kompleksiti dan penentangan yang dialami oleh mubaligh Kristian. Dengan menggunakan kerangka pascakolonial dan metodologi sejarah sosial, kajian ini meneliti secara kritis pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mubaligh Kristian merangkumi cabaran bahasa, penentangan daripada sistem budaya tempatan, kekangan kewangan, krisis kesihatan, persaingan ideologi mubaligh Kristian dan kesan pendudukan Jepun. Seterusnya, artikel ini memperlihatkan bahawa komuniti tempatan tidak menerima agama Kristian tanpa soal selidik. Sebaliknya, mereka menunjukkan pelbagai reaksi, iaitu menolak dan ada yang beradaptasi agar selari dengan kerangka budaya mereka. Dengan menggunakan rekod bertulis dan cerita lisan, artikel ini memaparkan Kristianisasi tidak hanya berkisarkan agama, malah turut menyentuh soal kuasa, budaya dan perubahan. Dalam menyingkap cabaran-cabaran tersebut, artikel ini memberikan pemahaman yang mendalam bagaimana agama tersebar melalui pemerintahan kuasa kolonial, di mana kepercayaan, empayar dan identiti saling berkait rapat. Tuntasnya, kajian ini menyeru kepada penulian sejarah yang lebih seimbang iaitu dengan merangkumkan kuasa pihak penjajah dan pilihan yang diambil oleh golongan yang dijajah.

Katakunci: *dakwah kristianisasi, mubaligh, cabaran, Borneo Utara*

Abstract. This article explores the challenges faced by Christian missionaries in British North Borneo between 1881 and 1963. It looks at how their efforts to spread Christianity were shaped by colonial power, local resistance, and the actions of indigenous communities. While previous studies often emphasise the success and civilising goals of Christian missionaries, this article focuses on the complexities and contradictions that missionaries experience. Using a postcolonial framework and the methodology of social history, the research questions how missionaries encountered various obstacles, including linguistic barriers, cultural opposition, financial hardship, health crises, denominational rivalries, and the disruptions of Japanese occupation. Importantly, the article depicts that local communities did not just accept Christianity without question. They reacted in different ways, sometimes resisting it, sometimes adapting it to fit their own culture. By using written records and oral stories, the article shows how missionary work was not just about religion, but also about power, culture, and change. In revealing these struggles, the article gives a deeper understanding of how religion spread under colonial rule, where faith, empire, and identity were closely linked. It calls for a more balanced history that includes both the power of the colonisers and the choices made by the colonised.

Keywords: *evangelisation, Christian missionaries, challenges, North Borneo*

Pengenalan

Pertembungan antara mubaligh Kristian dan masyarakat peribumi di Borneo Utara antara tahun 1881 hingga 1963 merupakan satu episod sejarah yang kaya dengan dinamika agama, budaya dan kuasa kolonial. Dalam tempoh ini, proses Kristianisasi tidak berlaku dalam ruang hampa; sebaliknya, hal beroperasi dalam sebuah landskap sosial yang kompleks, yang dihuni oleh masyarakat Kadazandusun, Rungus dan Murut yang berpegang kepada sistem kepercayaan animisme serta adat tempatan yang mendalam. Kehadiran awal mubaligh Kristian direkodkan seawal tahun 1322 melalui lawatan Father Odoric ke Mukah (Rooney, 1981), dan kemudiannya diperkuat oleh kehadiran misi Portugis dan Franciscan pada abad ke-16, Theatine dari Itali pada abad ke-17, serta mubaligh Anglikan sekitar tahun 1846. Abad ke-20 menyaksikan perkembangan yang lebih intensif menerusi kemasukan Borneo Evangelical Mission (BEM), Misi Basel dan Protestant Church in Sabah (PCS), yang membawa pelbagai pendekatan mazhab serta strategi dakwah. Walaupun gerakan Kristianisasi sering digambarkan sebagai naratif kejayaan dalam historiografi dominan, hakikatnya para mubaligh berdepan pelbagai cabaran nyata seperti kekangan bahasa, kesukaran kewangan, isu kesihatan, tentangan budaya, persaingan antara denominasi, serta gangguan akibat pendudukan Jepun. Dalam konteks ini, mereka bukan sahaja berperanan sebagai penyebar agama, tetapi juga sebagai guru, perawat dan perantara budaya. Nilai dan wacana Barat turut terserap secara langsung atau tidak langsung, menjadikan misi Kristian sebahagian daripada struktur kuasa kolonial yang lebih luas.

Sorotan literatur

Kajian-kajian terdahulu banyak memberi fokus kepada kejayaan institusi misi dalam bidang pendidikan dan perubatan, namun kurang memberi perhatian kepada cabaran yang dihadapi oleh mubaligh. Kling (2022) dan Geddes (1961) memfokuskan kepada kesukaran dalam penyesuaian budaya dan penolakan tempatan, tetapi masih bersifat naratif. Dari sudut yang berbeza, Angom (2020) dan Bariu (2017) menegaskan bahawa usaha kristianisasi turut menjejaskan amalan budaya tempatan, sementara Matthew dan Victor (2019) serta Woodberry (2007) lebih cenderung melihat peranan mubaligh dalam memperkenalkan pembangunan dan ekonomi pasaran. Muttalib et al. (2024) pula mendedahkan bagaimana penterjemahan al-Quran oleh mubaligh Kristian merupakan sebahagian daripada strategi mereka untuk memahami dan mendekati masyarakat Islam, sekali gus menunjukkan korelasi di antara dakwah dengan agenda imperialisme pengetahuan. Dalam konteks ini, dakwah Kristianisasi tidak bersifat tunggal, sebaliknya menjadi medan pergelutan kuasa dan makna, sesuai dengan kerangka pascakolonial seperti diujahkan oleh Said (1978) dalam *Orientalism*, yakni misi Barat sering menampilkan masyarakat Timur sebagai lemah, tidak bertamadun dan memerlukan pencerahan melalui agama dan pendidikan. Sebagai pelengkap, pendekatan sejarah sosial yang diperkenalkan oleh Burke (2005) dan Thompson (1966) pula menekankan agensi individu dalam struktur sosial. Menurut pandangan mereka, golongan seperti mubaligh bukan sekadar bertindak sebagai ejen hegemoni, tetapi turut bergelut dengan realiti harian, kekangan sumber dan kompromi budaya. Dengan mengintegrasikan kedua-dua pendekatan pascakolonialisme dan sejarah sosial ini, adalah diharapkan agar artikel ini dapat menghasilkan satu bentuk naratif yang lebih kritikal terhadap sejarah dakwah Kristian di Borneo Utara, khususnya dengan memberi tumpuan kepada pengalaman, cabaran dan rundingan kuasa dalam ruang penjajahan.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mubaligh Kristian dalam proses Kristianisasi di Borneo Utara dari tahun 1881 hingga 1963. Tumpuan diberikan kepada aspek politik, budaya, bahasa, kesihatan dan kewangan, serta pengalaman mubaligh dalam menghadapi struktur kuasa kolonial dan reaksi masyarakat peribumi. Melalui pendekatan pascakolonial dan sejarah sosial, kajian ini juga menilai bagaimana naratif dakwah Kristian dipengaruhi oleh wacana dominasi Barat, dan seterusnya menyumbang kepada penulisan sejarah alternatif yang lebih kritikal dengan menekankan sisi pergelutan, rundingan dan agensi dalam konteks tempatan.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah sosial, dengan memfokuskan kepada pengalaman dan agensi individu dalam konteks penjajahan. Penumpuan adalah kepada interaksi harian, konflik nilai, dan kesan struktur kolonial terhadap masyarakat peribumi dan aktor mubaligh. Dalam aspek sumber dan pengumpulan data pula, data akan diperolehi berdasarkan analisis kualitatif terhadap sumber primer seperti jurnal mubaligh (cth. Forshner), laporan rasmi (cth. A Report Upon British North Borneo), dokumentari gereja (Asang @ John Trevor White in Ranau), serta sumber sekunder seperti buku sejarah, artikel jurnal dan laman web institusi. Data juga diperolehi hasil temu bual separa struktur dengan pemimpin gereja tempatan untuk mendapatkan perspektif naratif tempatan yang sering terpinggir. Kerangka pascakolonial digunakan untuk menganalisis sejauh mana dan bagaimana kuasa simbolik, ideologi Barat dan naratif kolonial mempengaruhi pengalaman dakwah. Seperti yang dinyatakan oleh orientalis Said (1978), misi agama memainkan peranan sebagai sebahagian daripada struktur hegemoni kolonial yang membingkaikan masyarakat peribumi sebagai 'yang lain'. Justeru, berdasarkan perspektif ini, naratif mubaligh akan dianalisis bukan sahaja dari sudut cabaran luaran malahan juga sebagai ruang pergelutan budaya dan rundingan kuasa.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Latar belakang sejarah mubaligh Kristian di Borneo Utara 1881-1963

Gerakan Kristianisasi di Borneo Utara dimulai dengan kehadiran mazhab Roman Katolik iaitu pendakwaan mereka telah bermula pada tahun 1855 di Labuan di bawah pengelolaan seorang monsinyur (Poilis, 1981). Pada tahun 1881, SBUB dan pemimpin gereja di China iaitu Rev. Leschler telah membentuk sebuah kerjasama. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan SBUB telah membawa masuk buruh daripada Selatan China bagi memenuhi keperluan tenaga kegiatan pertanian manakala Misi Basel dapat bertapak di Borneo Utara melalui kehadiran rombongan pertama Chinese Basel Christian di Kudat (Mojijang and De Silva, 2020). Pertapakan mubaligh Anglikan pula dikesan pada 1883 di Labuan (Kib, 2003). Pada asalnya, mubaligh Anglikan ini bertapak di Pulau Borneo semasa pemerintahan Raja James Brooke di Sarawak. Brooke telah membantu mazhab Anglikan berkembang dengan pesat melalui pembinaan gereja dan sekolah. BEM hanya mula berkembang di Borneo Utara pada 1940 selepas

melakukan tinjauan di Borneo Utara pada 1937 di perkampungan komuniti peribumi Kadazandusun (Lees, 1993). Mubaligh Katolik menumpukan misi mereka di kawasan seperti Labuan, Sandakan, Papar, Kuala Penyu dan Putatan. Mereka membina stesen misi di kawasan ini bagi memastikan kawasan tersebut dapat dijaga dan dakwah Kristianisasi dapat diluaskan (Rooney, 1981) Misi Basel pula memberikan tumpuan di Sikuati dan merencanakan pembelajaran Bible dalam kalangan komuniti Rungus di Pusat misi yang didirikan di Sikuati pada 1955 (Forschner, 1993). BEM pula menumpukan dakwah mereka di Ranau dengan pembinaan stesen misi di Puru-Puru pada 1940. Kawasan misi mereka turut berkembang ke Kota Belud dan Kota Marudu. Pembinaan stesen misi merupakan salah satu daripada strategi yang diambil oleh mubaligh Kristian. Strategi lain termasuklah menjalankan sakramen baptisan bagi komuniti peribumi yang telah meninggalkan kepercayaan tradisi mereka.

Hubungan dan interaksi mubaligh dengan komuniti peribumi dapat dikesan pada 1881. Monsinyur Jackson telah mengarahkan Francis Witt supaya gerakan katolik ditumpukan kepada komuniti Kadazandusun. Oleh itu, beliau telah memulakan gerakan di Sungai Papar (Kib, 2003). BEM pula menemui komuniti peribumi di Kampung Parad sekitar tahun 1937 untuk meninjau dan memerhatikan kawasan misi. Misi Basel hanya melakukan interaksi dengan komuniti peribumi khususnya komuniti Rungus pada 1952 selepas Rev Hanz Bienz diarahkan memberikan tumpuan terhadap komuniti ini. Kehadiran mubaligh Kristian di Borneo Utara dilihat sebagai sesuatu yang penting kerana mereka telah memainkan peranan dalam membangunkan pendidikan di Borneo Utara. Mereka memberikan pendidikan asas seperti membaca, menulis dan mengira melalui penubuhan sekolah-sekolah mubaligh seperti St. Mary Convent dan Sekolah Menengah Sacred Heart. Mubaligh turut memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk tempatan seperti ubat-ubat moden dan membersihkan luka. Hal ini menyebabkan mubaligh Kristian dilihat sebagai penyelamat (Kib, 2004). Pihak kolonial pula dilihat bertanggungjawab menyediakan tanah bagi pihak mubaligh untuk membina stesen misi. Hal ini telah dilakukan oleh Gabenor Creagh pada 1888. Pihak kolonial turut memberikan geran pendidikan kepada mubaligh-mubaligh yang membuka sekolah mubaligh (Colonial Office, 1952). Kemasukkan Cina Hakka ke Kudat juga mempamerkan peranan pihak kolonial dalam membuka ruang kemasukkan mubaligh Kristian Basel ke Borneo Utara. Secara keseluruhannya, hubungan antara mubaligh Kristian dan pihak kolonial adalah penting dalam usaha mengembangkan kegiatan dakwah Kristianisasi di Borneo Utara.

Cabaran dakwah Kristianisasi di Borneo Utara

Penyebaran agama Kristian oleh mubaligh di Borneo Utara bukanlah satu proses yang mudah. Ia terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan dan cabaran ekoran daripada pertembungan antara dunia kepercayaan, budaya dan struktur sosial yang berbeza. Semasa era penjajahan ini, golongan mubaligh Kristian di Borneo Utara bukan sahaja berhadapan dengan cabaran geografi dan logistik, tetapi turut bergelut dengan pelbagai kekangan yang menjejaskan keberkesanan dan kesahihan usaha dakwah mereka. Cabaran yang dimaksudkan termasuklah halangan bahasa, penolakan budaya tempatan, masalah kesihatan, kekangan kewangan, persaingan antara denominasi, serta reaksi balas daripada komuniti setempat. Setiap cabaran ini akan memberi kesan kepada strategi dan bentuk penyampaian dakwah, di samping membentuk interaksi kuasa dan rundingan makna antara mubaligh dan masyarakat peribumi.

Cabaran bahasa dan perantara budaya

Komunikasi antara budaya, variasi dalam tatabahasa, perbendaharaan kata, dan sebutan antara bahasa boleh menimbulkan cabaran yang besar yang boleh menghalang pemahaman dan interaksi bersama (Ye, 2024). Hal ini merupakan salah satu cabaran yang tidak dapat dinafikan telah dihadapi oleh mubaligh Kristian. Mubaligh yang hadir di Borneo Utara sama sekali tidak mengetahui bagaimana bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa masyarakat peribumi. Keadaan ini sudah tentu menyukarkan penyampaian mesej dakwah terhadap penduduk peribumi. Dalam konteks dakwah Kristianisasi, bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan mesej yang disampaikan diterima dengan baik oleh komuniti sasaran. Halangan bahasa sering kali menjadi isu utama yang boleh menjejaskan keberkesanan penyampaian ajaran agama. Apabila mubaligh Kristian menyebarkan dakwah kepada komuniti pribumi, keupayaan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa tempatan menjadi faktor yang sangat penting, lebih-lebih lagi dalam konteks pembangunan teologi pribumi. Teologi pribumi bertunjangkan kepada tiga prinsip iaitu self-governing, self-supporting dan self-propagating. Prinsip ini bertujuan untuk memastikan masyarakat tempatan pada masa akan datang melakukan dakwah untuk penduduk tempatan wilayah mereka sendiri, bukannya oleh orang luar lagi. Oleh itu, untuk mencapai hal ini, sangat penting untuk menimbulkan kefahaman masyarakat tempatan menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri. Elliot (1997) menjelaskan kesukaran dan keterbatasan bahasa oleh Trevor White iaitu mubaligh SIB:

“Trevor taught himself Malay from a book, with some supplementary help from Ro Bewsher, a missionary to Sarawak’s Limbang area. Trevor experimented with his Malay in the kedai (shops), but since he didn’t buy much, he didn’t get a lot of practice!”

Beliau telah mempelajari bahasa Melayu secara sendiri dengan mempelajari daripada sebuah buku. Tetapi beliau tidak mempunyai peluang yang banyak untuk mempraktikkan apa yang dipelajarinya. Stafford Young yang merupakan mubaligh BEM di Ranau juga menghadapi masalah yang sama semasa berada di Ranau. Stafford mampu berbicara dalam bahasa Melayu tetapi masih dalam proses untuk mempelajari bahasa Kadazandusun. Stafford melakukan kunjungan ke Ranau sekali dalam sebulan. Ekoran daripada keterbatasannya untuk berkomunikasi dengan masyarakat Kadazandusun, maka Rentian telah menjadi penterjemah bagi Stafford. Stafford juga terpaksa menggunakan sekeping gambar apabila menyampaikan dan mengajar seperti di dalam Sekolah Minggu (Sunday School). Oleh itu, Rentian menterjemahkan mesej yang disampaikan oleh Stafford. Mubaligh daripada Basel Mission juga berhadapan dengan cabaran yang sama apabila Pastor Hanz Bienz yang tidak mahir menuturkan bahasa Rungus sedang dalam tinjauan di kawasan rumah panjang Rungus. Pastor Hanz membawa Wong Khiam Fuk sepanjang melakukan tinjauan di petempatan masyarakat Rungus untuk menterjemahkan setiap mesej. Beliau menggunakan alat bantu seperti poster untuk mengajarkan tentang agama Kristian kerana terbatas dari segi bahasa. Dari sudut sejarah sosial, perkara ini memperlihatkan jurang sosial dan budaya wujud antara mubaligh dan komuniti tempatan. Penggunaan poster dan bantuan oleh penterjemah menjadi indikator penting bahawa proses pemindahan pengetahuan agama adalah terbatas tanpa penguasaan mendalam terhadap bahasa dan budaya tempatan.

Melihat pada situasi yang dihadapi oleh mubaligh Kristian ini, penyelidik mendapati bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi. Bahasa turut menjadi mekanisme untuk menyampaikan nilai-nilai, kepercayaan, dan identiti. Oleh itu, apabila mubaligh tidak menguasai bahasa tersebut, mereka tidak hanya kehilangan keupayaan untuk mengajar ajaran agama secara berkesan, tetapi juga gagal untuk menghubungkan ajaran Kristian dengan nilai-nilai budaya yang ada dalam masyarakat peribumi. Hal ini adalah selaras dengan lensa pascakolonial bahawa bahasa bukan sekadar cabaran teknikal, tetapi juga lambang kuasa epistemik. Ketidakupayaan mubaligh Kristian dalam menguasai bahasa tempatan membataskan pemahaman mereka terhadap struktur, makna serta dunia simbolik yang membentuk pandangan hidup komuniti peribumi. Sehubungan dengan itu, bahasa tempatan dilihat berfungsi sebagai ruang kuasa yang sukar ditembusi oleh pengaruh luar. Oleh itu, tidak hairanlah bahasa tempatan dilabelkan sebagai suatu bentuk penentangan halus terhadap dominasi budaya Barat dalam kerangka pasca kolonial. Secara keseluruhannya, halangan bahasa adalah cabaran yang perlu diatasi dalam usaha menyebarkan dakwah Kristianisasi dan membangunkan teologi peribumi. Tanpa penguasaan bahasa tempatan, mubaligh berpotensi menghadapi kesukaran dalam menaburkan ajaran Kristian dalam cara yang sesuai dengan budaya dan kepercayaan masyarakat sasaran. Oleh itu, untuk memastikan dakwah kristianisasi dapat berkembang dengan baik, mubaligh Kristian perlu mengutamakan penguasaan bahasa pribumi sebagai salah satu aspek penting dalam usaha menyebarkan agama Kristian.

Penentangan daripada sistem kepercayaan & budaya tempatan

Umum mengetahui bahawa sistem kepercayaan penduduk peribumi seperti Kadazandusun, Rungus dan Murut adalah bersifat animisme. Sistem kepercayaan tersebut merupakan cabaran kepada usaha menyebarkan agama Kristian dalam kalangan penduduk peribumi. Animisme dianggap sebagai suatu sistem kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran agama Kristian. Ekoran kepatuhan penduduk peribumi terhadap sistem kepercayaan ini, maka mubaligh Kristian menghadapi kesukaran untuk menyampaikan ajaran Kristian kepada mereka. Walaupun ajaran agama Kristian giat disampaikan kepada penduduk peribumi, kepercayaan animisme ini menjadi penghalang kepada keberhasilan dakwah Kristianisasi di Borneo Utara. Hal ini demikian kerana, penduduk peribumi ini masih diselubungi perasaan takut kepada roh, semangat dan makhluk ghaib. Golongan bobolian melihat bahawa perkembangan agama Kristian merupakan ancaman kepada mereka kerana masyarakat Kadazandusun mulai tidak mempercayai kebiasaan atau amalan tradisional. Penentangan mahupun penolakan terhadap dakwah Kristianisasi oleh masyarakat peribumi di Borneo Utara dapat diterjemahkan sebagai sebuah bentuk perlindungan terhadap warisan budaya serta identiti kolektif mereka. Kepercayaan animisme yang menjadi teras struktur sosial dan kerohanian dalam kalangan etnik Kadazandusun, Rungus dan Murut telah membentuk asas yang kukuh dalam komuniti ini sejak turun-temurun. Elemen-elemen seperti peranan bobolian (pendeta tradisional), amalan pemujaan roh nenek moyang, serta pelbagai ritual berkaitan pertanian bukan sekadar memenuhi fungsi spiritual dan praktikal, tetapi turut mewakili kesinambungan sejarah serta keabsahan kuasa dalam masyarakat tempatan. Justeru itu, usaha mubaligh Kristian untuk menggantikan atau menafikan sistem kepercayaan ini sering ditafsirkan sebagai ancaman langsung terhadap tatanan sosial dan kosmologi tradisional yang telah lama berakar umbi.

Penolakan oleh masyarakat peribumi terhadap Kristianisasi dapat dilihat dalam pelbagai bentuk termasuklah larangan masuk ke kampung, ketua adat yang melarang

anak buah memeluk agama baharu, atau boikot terhadap sekolah misi manakala bentuk penentangan halus merangkumi sindiran, pengabaian ritual Kristian, atau mengabaikan ahli keluarga yang memeluk agama baharu. Penolakan ini tidak hanya berlaku atas dasar keagamaan semata-mata tetapi menggambarkan usaha kolektif untuk mempertahankan autonomi budaya dan struktur sosial daripada dihakis oleh unsur luar yang dikaitkan dengan penjajahan. Dari lensa pascakolonial, penentangan ini memperlihatkan penolakan terhadap wacana hegemoni Barat yang cuba menyisihkan sistem pengetahuan dan kepercayaan tempatan seolah-olah hanya melalui sentuhan agama Kristian sahaja peradaban dapat dicapai. Tidak hairanlah, kumpulan seperti bobolian memujudkan sekolah bagi mencari penerus atau waris kepada ilmu mereka khususnya mantera atau jampi. Hal ini adalah respon atau reaksi mereka terhadap Kristianisasi. Lazimnya, amalan-amalan yang dilakukan oleh bobolian akan diturunkan kepada anak perempuan atau anak lelaki mereka. Di setiap kampung, akan ada lebih daripada satu perempuan yang mempelajari tentang amalan-amalan bobolian. Walau bagaimanapun, sekolah latihan untuk bobolian terpaksa ditutup ekoran pengaruh agama Kristian yang semakin berakar dalam kalangan penduduk peribumi (Phellan, 1983).

Budaya penduduk peribumi turut menjadi cabaran kepada dakwah Kristianisasi penduduk peribumi di Borneo Utara. Budaya moginum iaitu minum tapai atau montoku dalam kalangan penduduk Kadazandusun, Rungus dan Murut dianggap sebagai budaya yang sangat penting kerana hal tersebut adalah sebahagian daripada kehidupan dan langkah untuk mengekalkan budaya dan tradisi mereka (Jamali et al., 2009). Mubaligh Kristian pula melihat budaya ini adalah bertentangan dengan ajaran agama Kristian dan hanya mendatangkan kesan negatif kepada kualiti hidup penduduk peribumi (Asong et al., 2020). Ekoran daripada cabaran ini, mubaligh Kristian menghadapi kesulitan dalam menyesuaikan ajaran agama Kristian dengan budaya tempatan. Kita perlu mengakui bahawa hal ini merupakan satu tugas yang kompleks. Usaha dan strategi untuk mengkristiankan masyarakat peribumi dilihat sebagai ancaman kepada identiti budaya mereka, sehingga menyebabkan tentangan dan penolakan. Tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran agama Kristian ini ditafsirkan sebagai ancaman. Tuntasnya, usaha mubaligh Kristian untuk menyebarkan ajaran Kristian di Borneo Utara berhadapan dengan cabaran besar, terutama dari segi kepercayaan animisme dan budaya tempatan. Meskipun ada elemen budaya yang bertentangan dengan ajaran Kristian, seperti kepercayaan kepada roh dan amalan mabuk, banyak aspek budaya yang masih relevan dan dapat disesuaikan dengan ajaran Kristian. Mubaligh Kristian berusaha untuk menghormati dan menyesuaikan elemen-elemen budaya yang tidak bercanggah dengan agama Kristian. Hal ini telah memupuk penerimaan agama Kristian dalam kalangan masyarakat peribumi dan membuktikan bahawa warisan budaya dan kepercayaan rohani dapat wujud bersama dalam harmoni.

Masalah kesihatan dan geografi

Mubaligh Kristian juga berhadapan dengan masalah kesihatan sepanjang mereka melakukan dakwah kristianisasi di Borneo Utara. Beberapa mubaligh Kristian berhadapan dengan masalah kesihatan yang telah menjejaskan kesihatan diri sekaligus membantutkan usaha menyebarkan ajaran agama Kristian di Borneo Utara. Pada tahun 1946, mubaligh Kristian seperti Pendeta Asang telah dijangkiti malaria. Asang kerap kali menghidapi malaria sehingga pernah dihantar ke Jesselton untuk merawat sakitnya. Kekurangan fasiliti kesihatan di Ranau iaitu kawasan dakwahnya menyukarkan para mubaligh untuk mendapatkan sebarang rawatan. Dalam laporan pemerintah kolonial

pada tahun 1948 telah menyatakan bahawa hospital tetap hanya ada di beberapa buah daerah sahaja merangkumi Jesselton, Labuan, Papar, Beaufort, Keningau, Kudat, Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Semporna (Colonial Office, 1948). Namun begitu, laporan juga menyebut bahawa wujudnya klinik bergerak untuk mendekati kawasan dan komuniti terpencil. Namun begitu, laporan juga menyebut bahawa wujudnya klinik bergerak untuk mendekati kawasan dan komuniti terpencil. Kawasan Borneo termasuk Sarawak dan Borneo Utara dikatakan sedang berhadapan dengan krisis kesihatan. Rooney berkata:

“Cholera, dysentery and malaria were rampant throughout Borneo and took a terrible toll of lives from all sections of the community. Much of the missionaries time taken up with the care of the sick and the dying and the deathbed conversions that often resulted were very consoling to them..”

Masalah kesihatan seperti kolera dan malaria yang menular di Borneo Utara menunjukkan kekurangan dan kelemahan dalam sistem kesihatan tempatan, serta keterbatasan ilmu perubatan dalam kalangan penduduk dan penjajah. Dalam keadaan yang serba kekurangan ini, golongan mubaligh Kristian tampil ke hadapan, mengisi kekosongan tersebut dengan memberikan perkhidmatan rawatan perubatan, sekaligus menunda buat sementara waktu matlamat utama mereka, iaitu dakwah kristianisasi. Situasi ini memaksa para mubaligh, seperti Pendeta Asang yang turut dijangkiti malaria, untuk memainkan peranan sebagai penyembuh dan pengamal perubatan tidak rasmi. Hal ini bukan bahawa golongan mubaligh bukan sahaja memikul beban fizikal ini, malahan ia turut mempamerkan kerentanan mereka dalam ekosistem kolonial dalam aspek keperluan kesihatan di kawasan pedalaman yang masih kurang diberi perhatian. Apabila kita melihat realiti ini dalam lensa sejarah sosial, ia menunjukkan bagaimana mubaligh kristian ini bukan sekadar berperanan sebagai ejen penyebar agama, tetapi turut menjadi pelaku sosial yang bertindak balas terhadap keperluan mendesak penduduk tempatan. Tugas mereka yang melangkaui bidang teologi seperti merawat penyakit dan memberikan harapan dalam krisis, sebenarnya memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan dan hubungan empati dengan masyarakat peribumi. Boleh dikatakan bahawa isu kesihatan ini tidak semata-mata merencatkan misi dakwah kristianisasi di Borneo Utara. Hal ini telah membuka ruang baharu dalam penerimaan agama Kristian. Dalam situasi genting seperti ketika sakit tenat, terdapat sebilangan penduduk peribumi yang memilih untuk memeluk agama Kristian, yakni satu fenomena yang Rooney nyatakan sebagai deathbed conversions. Ternyata ini merupakan suatu yang tragis dari sudut kemanusiaan kerana ia berlaku dalam keadaan berduka. Namun bagi golongan mubaligh, ini merupakan satu bentuk kejayaan spiritual kerana bagi mereka, jiwa-jiwa telah berjaya diselamatkan daripada kebinasaan abadi.

Dari sudut pascakolonial, fenomena ini boleh ditafsirkan sebagai suatu yang timbul akibat daripada kelemahan dalam struktur penjajahan. Mubaligh tidak memerlukan kekuatan ketenteraan atau dominasi ekonomi tetapi sebaliknya pengaruh mereka boleh diperkukuhkan melalui kuasa simbolik, yakni dengan menawarkan keselamatan rohani kepada seseorang individu yang tenat sakit atau dalam keadaannya yang paling rentan. Sehubungan itu, boleh dikatakan bahawa deathbed conversions ini bukanlah sekadar satu reaksi spiritual terhadap penderitaan fizikal semata-mata tetapi turut merangkumi satu peralihan kuasa epistemik, yakni daripada sistem kepercayaan tradisional kepada suatu bentuk makna baharu yang dibentuk oleh wacana keagamaan Barat. Hal ini

bermaksud kepercayaan tradisional secara perlahan dihakis dan digantikan dengan wacana keagamaan Barat iaitu penyaluran nilai-nilai asing ke dalam masyarakat tempatan yang sebelumnya bertunjangkan kosmologi tempatan. Oleh yang demikian, cabaran kesihatan ternyata memberikan kesan dualistik terhadap usaha dakwah kristianisasi di Borneo Utara. Di satu aspek, ia menjejaskan perjalanan rutin harian usaha dahwah, namun aspek yang lain, ia menyediakan asas bagi golongan mubaligh untuk membina kredibiliti, dan mempertingkatkan pengaruh melalui perkhidmatan kesihatan. Kedudukan mubaligh dalam masyarakat bukan sahaja diperkukuhkan melalui intervensi ini, tetapi pendekatan dakwah yang bersifat lebih insani dan praktikal juga boleh diperkenalkan.

Kekangan kewangan dan sumber logistik

Mubaligh Kristian di Borneo Utara juga berhadapan dengan masalah kewangan dalam usaha mereka mengukuhkan dakwah Kristianisasi di Borneo Utara. Mereka mengalami kesukaran untuk melanjutkan dakwah di Borneo Utara atas faktor kedudukan kewangan yang tidak stabil. Hal ini telah mempengaruhi beberapa kegiatan mereka seperti pembinaan gereja, sekolah dan menyediakan keperluan bagi tujuan dakwah. Dalam hal ini, hubungan antara institusi gereja dan institusi keagamaan di luar negara merupakan kunci survivalisme mubaligh Kristian dan kegiatan dakwahnya di Borneo Utara. Mubaligh Katolik antara kumpulan yang terus mengukuh di Borneo Utara walaupun sedang dihimpit dengan masalah kewangan. John Rooney dalam tulisannya menyatakan bagaimana mubaligh Katolik ini terpaksa membahagi-bahagikan kewangan mereka yang terhad kepada semua mubaligh Katolik. Fr. Jackson yang bertindak sebagai penyelia berusaha untuk berkongsi sumber kewangan yang terhad kepada mubaligh lain. Sumber kewangan yang terhad menjadi indikator bahawa pembiayaan dihadkan sekaligus mengehadkan aktiviti mubaligh. Hal ini menunjukkan bahawa wujudnya limitasi terhadap aktiviti dakwah ekoran masalah ini (Rooney, 1981). Namun begitu, kumpulan mubaligh ini boleh disifatkan beruntung kerana wujudnya institusi atau badan yang menyalurkan bantuan atau dana kewangan semata-mata untuk kelangsungan kegiatan dakwah di Borneo Utara. Vatican di Rom merupakan salah satu tulang belakang kepada gerakan Katolik di Borneo Utara. Mereka menghulurkan £100 setiap tahun bagi membantu gerakan Katolik di Borneo Utara (Poilis, 1981). Bantuan daripada institusi luar negara ini tidak hanya diterima oleh gerakan Katolik sahaja malah institusi keagamaan Kristian lain turut membantu gereja dan mubaligh mahzab lain. Gereja Anglikan misalnya mendapat bantuan kewangan daripada luar negara iaitu England melalui sebuah tabung khas bagi pembinaan asrama paderi, bangunan gereja dan sekolah. Tindakan ini merupakan usaha pihak Anglikan untuk menyaingi gereja Katolik yang sudah berjaya mendidik dan mentamadunkan penduduk peribumi di Borneo Utara. E.W. Birch dalam laporannya berkata:

“The Roman Catholic Missions have established themselves in many parts of North Borneo and their work in civilising and educating the natives of the country is deserving greatest praise and respect. It is only necessary for Government Officers to come more into touch with the Priests, who devote their lives to their Missions, in order to obtain a great deal of co-operation from them.”

Birch dalam laporannya telah memuji dedikasi dan pengabdian hidup para paderi terhadap dakwah atau misi mereka di Borneo Utara. Dalam pada itu, beliau menyeru

agar pihak kerajaan berinteraksi atau berhubung dengan para paderi untuk membentuk kerjasama yang erat. Seruan ini ini seolah-olah menunjukkan bahawa pihak pentadbiran tidak mempunyai hubungan akrab dengan institusi gereja dan tidak memberikan perhatian kepada usaha institusi gereja. Penyelidik berpandangan bahawa pihak pemerintah iaitu Syarikat Borneo Utara British tidak sama sekali memberikan tumpuan kepada aspek pendidikan. Oleh itu, mubaligh Kristian mengambil peluang ini untuk membuka sekolah mubaligh dengan menggunakan kewangan daripada luar negara. Rev. Elton dalam suratnya kepada Birch berkata:

“Since my return from home we have also been collecting money for a permanent Girls School and, thanks to the exertions of Mrs. Bircli, the handsome new building will be opened free of debt in about a month. So we now have three Boys' Schools and one Girls' School. All the education of the country is being carried on by the Church of England and the Church of Rome, the Chartered Company having not, as yet opened any Schools.”

Surat yang dikirimkan oleh Rev. Elton jelas menyatakan bahawa gerakan Katolik dan Anglikan merupakan kumpulan yang memberikan sumbangan terhadap pembinaan sekolah di Borneo Utara, manakala pihak pemerintah tidak membuka atau membina sekolah sama sekali. Kebanyakan dana bagi membina gereja atau sekolah oleh mubaligh Anglikan didapatkan daripada luar. Misalnya gereja di Sandakan yang dibina oleh Rev. Elton telah mendapat dana tambahan sebanyak £1,500 daripada Court of Directors untuk mempercepat pembinaan gereja tersebut. Pada tahun 1960, gereja di England iaitu St. Margaret telah memberikan \$23 000 untuk pembinaan gereja St. Margaret di Keningau. Borneo Evangelical Mission turut mempunyai kekangan kewangan khususnya bagi tujuan menyediakan fasiliti atau kemudahan pendidikan bagi penduduk peribumi di kawasan dakwah mereka. Namun begitu, mubaligh BEM di Sabah iaitu Pendeta Asang telah mendapat bantuan daripada Australia bagi menyediakan kemudahan pendidikan di salah satu kawasan dakwah BEM atau SIB iaitu di daerah Kota Belud. Seminah Young yang berasal daripada Australia merupakan pencetus idea untuk membuka sekolah ini dan seorang tenaga pengajar di sekolah ini. Pada tahun 1959, Margaret Symons yang dikenali sebagai Deimah telah datang untuk membantu Nell di sekolah tersebut. Sekitar pada tahun ini juga tenaga pengajar secara sukarela dari Amerika Syarikat dan United Kingdom telah hadir untuk membantu dalam proses pengajaran. Hal ini secara tidak langsung mengurangkan bebanan kewangan mubaligh Kristian. Bantuan yang diterima, daripada Seminah Young, bukan sahaja menunjukkan keprihatinan misionari luar negara, tetapi juga betapa pendidikan dilihat sebagai salah satu mekanisme utama untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat peribumi. Pembukaan sekolah di daerah Kota Belud ini mencerminkan usaha gigih mubaligh SIB untuk menjadikan pendidikan sebagai alat transformasi sosial dan rohani.

Jika kita melihat kepada masalah kewangan yang membelenggu mubaligh Kristian di Borneo Utara, hal ini memberikan sebuah indikator bahawa wujudnya ketirisan kuasa dalam hubungan antara institusi agama dan kuasa kolonial. Mubaligh Kristian dilihat berusaha untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk peribumi melalui pendidikan dan kebajikan dengan menggunakan dana yang mereka perolehi daripada luar. Dalam kaca mata sejarah sosial, hal ini memperlihatkan bagaimana mubaligh terpaksa menggalas tanggungjawab pendidikan dan kebajikan masyarakat peribumi, tanpa sokongan kewangan yang kukuh daripada pihak penjajah. Pihak penjajah melihat

krisis kewangan mubaligh Kristian dengan sebelah mata memberikan isyarat bahawa mereka enggan mubaligh Kristian semakin berpengaruh dan mencabar autoriti yang dimiliki oleh pihak penjajah. Tambahan lagi, hal ini menggambarkan kegagalan pihak kolonial untuk mempersiapkan ruang bagi pembangunan sosial di wilayah ini. Berbeza dengan kerangka pascakolonial, kebergantungan mubaligh dengan dana atau sumber kewangan luar daripada Vatican dan Amerika Syarikat misalnya menunjukkan bahawa berlaku kawalan dan pengaruh daripada entiti yang lebih kuat (institusi agama) kepada komuniti peribumi. Kita perlu mengakui bahawa ketiadaan bantuan kewangan daripada pihak penjajah menyebabkan institusi agama Kristian di Borneo Utara dilihat tidak mempunyai hubungan dengan kuasa kolonial. Namun, dari sudut pascakolonial, kebergantungan mubaligh dengan dana daripada luar menunjukkan bahawa agama Barat mengawal naratif melalui rohani dan simbol. Hal ini bermaksud, mubaligh Kristian di Borneo Utara tidaklah bebas sepenuhnya daripada kaitannya dengan kolonialisme tetapi merupakan satu dominasi Barat khususnya dalam transformasi sosial terutamanya dalam kalangan masyarakat peribumi. Misalnya, pembinaan gereja di Keningau yang dibiayai oleh gereja St. Margaret di England, dan pembukaan sekolah di Kota Belud oleh Seminah Young, menggambarkan jaringan global Kristianisasi sebagai satu bentuk imperialisme budaya yang lembut. Tuntasnya, krisis kewangan yang dihadapi oleh mubaligh Kristian di Borneo Utara sememangnya membantutkan usaha-usaha membina gereja atau kemudahan pendidikan bagi kegunaan penduduk peribumi. Namun begitu, keprihatinan badan atau organisasi keagamaan daripada luar negara memberikan suntikan kepada mubaligh Kristian di Borneo Utara untuk meneruskan usaha menyebarkan ajaran agama Kristian di wilayah ini.

Persaingan ideologi Mubaligh Kristian

Dakwah Kristianisasi di Borneo Utara juga tidak begitu mudah untuk dilaksanakan ekoran wujudnya persaingan mubaligh dan mazhab Kristian. Persaingan ini dapat dikatakan persaingan untuk mendapatkan kawasan dakwah dan pengikut serta menyebarkan ideologi mazhab mereka. Setiap mazhab Kristian seperti Katolik, Anglikan, Sidang Injil Borneo, Basel dan Protestant Church in Sabah mempunyai ideologi dan amalan yang berbeza. Oleh itu, mereka bersaing untuk memastikan ajaran mereka dapat diterima oleh penduduk peribumi. Perbezaan ini turut kelihatan dari segi cara menjalankan sakramen dan aktiviti keagamaan pada hari Ahad. Beberapa peristiwa berkenaan persaingan mubaligh telah berlaku sebelum ini. Misalnya, mubaligh Basel Mission dan Seventh Day Adventist bersaing untuk menyebarkan ajaran agama Kristian di Kudat. Seorang mubaligh SDA dari Goshen telah mengunjungi kawasan luar bandar di Kudat dan mendapati lembah Merebau sesuai untuk pengairan. Ekoran hal ini, ramai penduduk Rungus telah memilih untuk mengikuti mazhab SDA setelah bertapak di Kudat. Pegawai daerah berpandangan bahawa sekiranya ada dua mazhab Kristian melakukan dakwah Kristianisasi di kawasan yang sama, dikhuatiri akan berakhir dengan pertelingkahan (Forschner, 1993). Bagi mengelakkan persaingan antara kedua-dua mazhab tersebut berlanjutan, maka pegawai daerah telah memutuskan bahawa mubaligh SDA tidak dibenarkan untuk melaksanakan dakwah Kristianisasi di kawasan pedalaman Kudat manakala Basel Mission tidak dibenarkan untuk melakukan dakwah di kawasan Matunggong. Kesemua kampung di kawasan Bandau adalah di bawah pengaruh mubaligh dan mazhab SDA manakala semua tempat di Kudat di bawah pengaruh Basel Mission. Hanya beberapa tempat sahaja yang masih mubaligh SDA lawati dan bina gereja di Angkob (Tambuluran). Keputusan pegawai daerah untuk

memisahkan kawasan dakwah antara Basel Mission dan SDA adalah tindakan yang bertujuan untuk mengelakkan pertelingkahan dan memastikan penyebaran agama berlaku dengan lebih teratur. Di Kota Belud pula, mubaligh SIB telah melakukan dakwah Kristianisasi pada tahun 1951. Kawasan tersebut dipercayai merupakan kawasan dakwah oleh mubaligh SDA. Namun, ekoran kekurangan pemimpin dan kurangnya penerokaan yang dilakukan oleh mubaligh SDA, maka mubaligh SIB mengambil kesempatan ini untuk meluaskan ajaran mereka dan menyampaikan dakwah kepada penduduk peribumi.

Penyelidik mempunyai pandangan tersendiri berkenaan persaingan yang timbul antara mazhab Kristian tersebut. Persaingan tersebut dapat dilihat daripada dua sudut yang berbeza. Pertama, persaingan ini mampu mewujudkan suatu perubahan di daerah atau kawasan dakwah para mubaligh. Hal ini kerana mubaligh berusaha untuk menunjukkan kelebihan dan perkhidmatan yang mereka dapat berikan. Misalnya, mubaligh SDA yang menimbulkan idea tentang pengairan menarik perhatian masyarakat Rungus sehingga mereka dan keluarga memilih untuk mengikuti SDA. Dari perspektif yang lain pula, persaingan juga boleh membawa kepada kekeliruan dalam kalangan penduduk tempatan kerana sukar untuk memahami perbezaan antara ajaran kedua-dua mazhab. Kewujudan dan persaingan antara denominasi yang pelbagai seperti Katolik, Anglikan, SDA, SIB dan Basel Mission menunjukkan bahawa dakwah kristianisasi di Borneo Utara tidaklah bersifat homogen. Terdapatnya kompleksiti dalaman agama Kristian itu sendiri, yakni persaingan itu wujud bukan sahaja dengan kepercayaan tempatan, tetapi persaingan sesama mereka juga ada demi memperolehi legitimasi, ruang geografi, dan kepercayaan masyarakat. Dalam konteks pascakolonial pula, usaha pelbagai denominasi untuk mewujudkan lingkungan 'pengaruh' masing-masing menunjukkan bagaimana agama Kristian berfungsi sebagai instrumen perundingan kuasa dan ideologi, dan bukan sekadar atas misi kerohanian. Tindakan memisahkan kawasan dakwah oleh pegawai kolonial juga menunjukkan intervensi kolonial dalam mengatur naratif dan ruang penyebaran agama.

Kesan pendudukan Jepun

Dapatan menunjukkan bahawa penjajahan Jepun merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh mubaligh Kristian di Borneo Utara. Penjajahan Jepun yang berlangsung pada Januari 1942 hingga Ogos 1945 sememangnya cabaran terbesar dan peristiwa hitam bagi mubaligh Kristian di Borneo Utara. Ekoran daripada penjajahan Jepun ini, ramai mubaligh Kristian yang telah ditangkap dan ditahan. Semua mubaligh yang berada di Borneo Utara tidak dapat melarikan diri daripada tindakan askar Jepun yang kejam. Beberapa mubaligh BEM atau SIB seperti John Trevor White, Alan Belcher dan Dr. Mc Arthur antara yang mubaligh SIB yang telah ditahan oleh askar Jepun. Askar Jepun berusaha untuk menyekat perkembangan agama Kristian melalui pemusnahan bangunan gereja. Pada 18 Mei 1945, tentera Jepun telah menyatakan hasrat mereka untuk mengambil alih kesemua bangunan misi Katolik di sana. Namun, August Wachter tidak bersetuju dengan perkara itu. Mubaligh Kristian semakin diasak oleh tentera Jepun dengan mengarahkan mereka berjalan di atas laluan keretapi dengan berkaki ayam ke arah estet Sapong. Dakwah Kristianisasi oleh gerakan Katolik ini semakin terhimpit apabila pihak Jepun meminta bayaran bulanan daripada gerakan katolik sekiranya ingin meneruskan kegiatan mereka. Pihak Jepun menuntut \$20.00 bagi setiap seorang paderi manakala \$15.00 bagi setiap seorang biarawati. Bagi anak-anak yang dibawah jagaan gerakan atau misi Katolik mereka dikenakan \$3.00 seorang

dan keseluruhan komuniti Karmelit (Carmelite) perlu membayar \$100.00 sebulan (Rooney, 1981). Keadaan ini memberikan tekanan kepada gerakan Katolik dalam usaha memastikan dakwah Kristianisasi terus berjalan. Basel Mission turut mengalami nasib yang sama apabila tentera Jepun bertindak zalim dan kejam ke atas penganut Kristian dan mubaligh mereka khususnya mereka yang berbangsa Cina Hakka. Hal ini didorong oleh sentimen anti cina yang tercetus sejak perang China-Jepun. Kebencian tentera Jepun terhadap orang cina menyebabkan 80 penganut Kristian Hakka di Kudat telah dibunuh oleh tentera Jepun (TBCCM, 2025). Mubaligh Kristian berkulit putih juga ditindas sepanjang penjajahan Jepun ini berlangsung. Elliot (1997) menjelaskan keadaan mubaligh Kristian yang telah ditahan dalam kem tahanan Jepun seperti yang berikut:

“G-strings soon became the latest Kuching Fashion: when prisoners’ clothes wore out, they were replaced with a piece of cloth that was two and a half feet long and a hand’s breadth wide”

Keadaan para mubaligh di dalam tahanan Jepun memperlihatkan suatu bentuk penindasan tentera Jepun khususnya kepada mubaligh berkulit putih. Tindakan ini sememangnya adalah untuk memalukan dan menjatuhkan maruah mubaligh berkulit putih. Biarawati gereja yang ditangkap pula dikehendaki untuk menjahit cawat atau G-string menggunakan bahan yang telah disediakan oleh Jepun. Hal ini menegaskan lagi kebencian Jepun terhadap orang kulit putih. Pengkaji berpandangan bahawa kekejaman dan penindasan oleh tentera Jepun sesungguhnya telah memberi kesan kepada perancangan dakwah oleh mubaligh Kristian. Pendudukan oleh tentera Jepun di Borneo Utara, bukanlah cabaran atau rintangan yang dihadapi oleh mubaligh Kristian semata-mata tetapi perkara ini telah memperlihatkan bahawa wujudnya pertembungan antara dua kuasa iaitu imperialis Jepun dan Barat (pengaruh Kristian Barat). Pertembungan ini telah menyebabkan mubaligh Kristian ditindas oleh tentera Jepun. Dari sudut sejarah sosial, hal ini memaparkan bahawa mubaligh bukan hanya penyampai dakwah tetapi turut menjadi subjek yang merasai penindasan. Menariknya, pengalaman ini juga membawa kita melihat sisi lain mubaligh Kristian iaitu mereka menjadi kumpulan rentan sama seperti penduduk peribumi ekoran pertembungan kuasa geopolitik dan budaya antara Timur dan Barat. Sehubungan dengan itu, dalam kerangka pascakolonial, penindasan terhadap mubaligh berkulit putih, memusnahkan gereja dan pusat misi, dan tekanan terhadap biarawati dengan memaksa mereka menjahit cawat boleh disimpulkan sebagai suatu ikhtiar daripada tentera Jepun untuk memadam simbol-simbol yang mempunyai hubungan atau mewakili penjajahan dan penyebaran ideologi Barat melalui agama.

Reaksi balas dan rundingan kuasa oleh komuniti tempatan

Kristianisasi di Borneo Utara sesungguhnya mengalami penentangan daripada masyarakat peribumi. Namun begitu, wujud juga sebahagian masyarakat peribumi yang menerima atau tidak sepenuhnya menolak kehadiran mubaligh Kristian. Reaksi ini dapat dikaitkan dengan pendekatan masyarakat peribumi yang cenderung ke arah rundingan dan langkah penyesuaian. Tindakan ini menunjukkan bahawa masyarakat tempatan cuba untuk menyesuaikan unsur atau nilai baharu yang selari dengan konteks sosial dan citarasa mereka. Adaptasi budaya seperti ini boleh dilihat melalui usaha segelintir masyarakat menerima agama Kristian dengan mempertahankan elemen

budaya tradisional dalam praktik keagamaan mereka. Misalnya, lagu-lagu kerohanian Kristian yang dinyanyikan adalah dalam bahasa tempatan dan muzik serta melodinya diadun dengan muzik tempatan supaya menarik minat masyarakat tempatan lain (temubual bersama Missah Yabbis). Penyesuaian ini juga terpapar melalui keterbukaan bersyarat oleh masyarakat tempatan iaitu mereka hanya mengizinkan mubaligh Kristian hadir di kawasan mereka jika memenuhi syarat tertentu seperti penggunaan bahasa tempatan dalam pengajaran. Misalnya, Tuorong yang merupakan ketua rumah panjang di Kampung Masangkung mengenakan syarat kepada Pastor Bienz iaitu Tuorong hanya akan menerima agama Kristian jika Bienz berbahasa tempatan atau mencari seseorang penterjemah yang fasih bahasa tempatan. Dari sudut sejarah sosial, langkah ini merupakan suatu tindakan komuniti peribumi untuk membentuk semula struktur interaksi bagi memastikan ada kesinambungan dalam budaya mereka. Edward Said menyebut tentang 'tindakan balas budaya' dalam bentuk wacana, namun dalam konteks ini, kita menyaksikan rundingan kuasa berlaku bukan melalui teks, tetapi melalui strategi sosial dan simbolik yang halus. Pendekatan adaptif oleh masyarakat peribumi ini telah menghasilkan kejayaan misi yang dibentuk melalui kompromi budaya iaitu dengan tidak menghapuskan identiti tempatan, tetapi merumuskan satu bentuk keberagamaan yang lebih kontekstual dan sesuai dengan citarasa serta acuan tempatan. Dengan itu, dakwah Kristian tidak lagi bersifat sehala tetapi bersifat dua hala iaitu mengutamakan hubungan, saling belajar dan kebebasan dalam memberikan respon. Tuntasnya, kelemahan mubaligh untuk memahami konteks masyarakat tempatan menjadikan dakwah bersifat hegemoni budaya bukan dialog kepercayaan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, usaha dakwah Kristianisasi di Borneo Utara tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang menguji ketabahan dan dedikasi para mubaligh. Cabaran-cabaran seperti cabaran bahasa dan perantaran budaya, penolakan sistem budaya, kekangan kewangan dan sumber logistik, krisis kesihatan dan kesan pendudukan Jepun telah membantutkan kelancaran kegiatan dakwah mereka. Namun, cabaran ini turut mempamerkan keupayaan mubaligh Kristian untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang serba mencabar serta kebolehan mereka membentuk hubungan antarabangsa dengan badan-badan keagamaan luar negara yang memberikan sokongan kewangan dan tenaga kerja. Tambahan lagi, kejayaan strategi ini dapat dilihat melalui perubahan dalam kehidupan penduduk peribumi.

Penghargaan

Pengarang ingin mengucapkan penghargaan kepada pemimpin gereja Sidang Injil Borneo dan Roman Katolik yang sudi untuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan penulisan ini. Tidak lupa juga kepada Arkib Sabah dan Borneo Theological Seminary yang telah menyediakan bahan rujukan untuk melengkapkan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Angom, R. (2020): Christianization and its Impact on Mizo Culture. – *Journal of Humanities and Social Science Studies (JHSSS)* 2(1): 55-60.
- [2] Asong, J., Lasimbang, H.B., James, S., Seok, C.B. (2020): Effects of Alcohol towards Quality of Life in the Indigenous Groups of the West Coast Division, Sabah, Malaysia. – *Borneo Journal of Medical Science (BJMS)* 14(2): 19-30.
- [3] Bariu, R.M. (2017): Transformation of Christianity in Kenya: A Historical Survey. – *The International Journal of Humanities & Social Studies* 5(11): 307-311.
- [4] Burke, P. (2005): *What is cultural history?* – Polity Press 179p.
- [5] Colonial Office (1952): *Annual Report on North Borneo for the Year 1952.* – London: His Majesty's Stationery Office (HMSO) 187p.
- [6] Colonial Office (1948): *Annual report on North Borneo for the year 1948 (Colonial Annual Reports: North Borneo, No. 1315).* – London: His Majesty's Stationery Office 90p.
- [7] Elliot, P. (1997): *Asang: The story of Trevor White and the Dusuns of Sabah.* – Cleveland, Queensland: Delia Wilson 114p.
- [8] Forschner, T.A. (1993): *History of the Protestant Church in Sabah, Malaysia.* – *Malaycivilization* 53p.
- [9] Geddes, W.R. (1961): *Nine dayak nights.* – New York: Oxford University Press 243: 144p.
- [10] Jamali, M., Mustapha, Z., Ismail, R. (2009): Pola dan Faktor yang mempengaruhi peminuman minuman keras remaja Dusun Malaysia. – *Malaysian Journal of Society and Space* 5(2): 82-101.
- [11] Kib, M.Z.B.M. (2004): Christianization in Sabah and the development of indigenous communities: A historical study. – *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 77(1(286): 53-65.
- [12] Kib, M.Z.M. (2003): *Kristian di Sabah, 1881-1994.* – Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia 244p.
- [13] Kling, D.W. (2022): A Response to Reviewers of A History of Christian Conversion. – *Pastoral Psychology* 71: 801-805.
- [14] Lees, S. (1993): *Mabuk Sebelum Fajar.* – Upstream Publishing 183p.
- [15] Matthew, A.A., Victor, O.A. (2019): The Impacts of Christian Missionaries On Oyo Empire 1893-1960 6: 177-193.
- [16] Mojijang, C., De Silva, M. (2020): Peranan Prostetant Church di Sabah (PCS) dalam Perkembangan Sosial Masyarakat Rungus 1952-1993 di Kudat, Sabah. – *Jurnal Borneo Arkhailogia* 5(1): 89-104.
- [17] Muttalib, F.A., Hawamdeh, M.A., Al-Yousuf, H., Mansour, A.W. (2024): A Historical-critical Study of the First Latin Translation of the Holy Quran. – *International Journal of Linguistics, Literature and Translation* 7(1): 183-190.
- [18] Phellan, R. (1983): The Form of Priesthood in the Kadazan (Dusun) System of Religion. – *The Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland* 1: 55-73.
- [19] Poilis, W. (1981): *A popular history of the Catholic church in Sabah.* – Diocese of Kota Kinabalu 66p.
- [20] Rooney, J. (1981): *A History of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei (1880-1976).* – University of London 292p.
- [21] Said, E.W. (1978): *Orientalism.* – New York: Pantheon Books 368p.
- [22] The Basel Christian Church of Malaysia (TBCCM) (2025): *BCCM Mission History.* – TBCCM Web Portal 4p.
- [23] Thompson, E.P. (1966): *The making of the English working class.* – Vintage Books 159p.
- [24] Woodberry, R.D. (2007): *Economics.* – Dalam *Encyclopedia of Missions and Missionaries: Routledge* 9p.

- [25] Ye, Z. (2024): Language Barriers in Intercultural Communication and Their Translation Strategies. – *Modern Management & Engineering* 6(1): 178-184.